

06 NOV 2000

Mahathir-Pembangkang

PM KATA PEMBANGKANG SENGAJA CABUL UNDANG-UNDANG SUPAYA NEGARA DIKECAM

KUALA LUMPUR, 6 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata trend di kalangan parti pembangkang sekarang ialah sengaja mencabul undang-undang dengan tujuan mendesak kerajaan mengambil tindakan terhadap mereka.

Perdana Menteri berkata apabila tindakan diambil, golongan itu akan memberitahu kawan-kawan mereka di luar negara, yang seterusnya akan mengecam kerajaan Malaysia kononnya tiada kebebasan di negara ini.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai perhimpunan haram parti pembangkang di Klang semalam apabila pihak berkuasa terpaksa menahan lebih 100 orang kerana membantah arahan polis supaya bersurai.

"Tapi orang-orang ini minta kita ikut peraturan undang-undang. Apabila kita ikut peraturan undang-undang mereka kecam kita," katanya pada sidang berita selepas merasmikan mesyuarat Majlis Telekomunikasi Komanwel ke-40 di sini.

Sebagai contoh, Dr Mahathir berkata bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim boleh ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri selama mana yang dikehendaki, tetapi kerajaan telah membenarkan polis mengambil tindakan melalui pembicaraan terbuka di mahkamah.

Dr Mahathir berkata perbicaraan itu berlangsung selama setahun dan dikendalikan dalam bahasa Inggeris bagi memenuhi kehendak media asing manakala Anwar dibela oleh sembilan peguam terbaik di negara ini.

"Tapi mereka masih kata tidak ada proses yang sewajarnya... saya tak faham apa yang dimaksudkan dengan proses sewajarnya itu. Kita negara bebas, undang-undang kita jelas dan kita ikut undang-undang sepenuhnya, namun mereka kata tidak ada proses sewajarnya," katanya.

Merujuk kepada tindakan beberapa anggota kongres Amerika Syarikat yang meminta perbicaraan Anwar diadakan semula, Dr Mahathir mengulangi bahawa mereka tidak faham undang-undang negara ini.

"Kalau buat semula, kena singkirkan semua hakim... apa salah mereka. Kalau ada rayuan, adalah satu lagi perbicaraan," katanya.

Dr Mahathir berkata kumpulan seperti ini tidak akan menghentikan tindakan mereka kerana apa yang penting bagi mereka ialah mencetuskan masalah kepada negara agar pelabur dan pelancong tidak datang ke Malaysia.

"Akhbar itu dicetak di negara ini dan kita tidak pernah sekali-kali sentuh apa yang dikatakan oleh mereka. Dan mereka tidak pernah mengatakan sesuatu yang baik mengenai negara tempat mereka mencetak akhbar mereka itu," katanya.

Sebaliknya, kata Dr Mahathir, terdapat majalah lain seperti Business Traveller yang menyatakan bahawa Kuala Lumpur merupakan bandar raya rahsia kerana orang tidak tahu betapa eloknya bandar raya itu.

"Sebab orang tidak tahu ialah kerana sikap buruk akhbar antarabangsa," kata beliau.

-- BERNAMA

AR AZZ NMO